



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 2 TAHUN 2010**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN BAJET  
TAHUN 2011 DAN 2012**

**Tujuan**

1. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2011 dan 2012. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa cadangan anggaran perbelanjaan bagi maksud perbelanjaan masing-masing disediakan mengikut garis panduan yang terdapat dalam Surat Pekeliling ini.

**Senario Ekonomi Negeri**

2. Beberapa petunjuk angkubah utama ekonomi bagi setengah tahun 2009 telah menunjukkan aktiviti ekonomi Negeri Pulau Pinang terus kukuh. Pertumbuhan ini adalah memberangsangkan dalam persekitaran global yang berkembang lebih perlahan dan lanskap politik negeri yang sentiasa tercabar. Namun dalam suasana yang demikian, Kerajaan Negeri berazam supaya dapat terus mengulangi kejayaan pertumbuhan yang mantap seperti mana telah tercapai dalam tahun-tahun yang lepas.

3. Bagi meningkatkan keupayaan Negeri Pulau Pinang untuk terus berdaya saing, perlu perancangan ke arah bajet lebihan atau sekurang-kurangnya berimbang bagi mengukuhkan asas-asas ekonomi negeri. Pada

tahun 2008 dan 2009, Kerajaan Negeri telah berupaya mengakhiri kedua-dua tahun kewangan dengan lebihan berjumlah RM88 juta dan RM77 juta masing-masing, yang merupakan rekod pencapaian yang amat membanggakan. Peningkatan lebihan yang terkumpul, membolehkan Kerajaan Negeri mempunyai sumber yang kian meningkat untuk menampung lebih banyak projek untuk pembangunan ekonomi dan keselesaan rakyat.

4. Oleh yang demikian, untuk memastikan kedudukan kewangan Negeri terus mantap, Pegawai Pengawal diminta untuk meneruskan amalan pengurusan kewangan berhemat, *optimal value for money* dan tidak membazir serta mengamalkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) dalam penyampaian perkhidmatan, terutamanya dalam pengurusan kewangan yang melibatkan wang rakyat.

### **Dasar Belanjawan Negeri**

5. Tumpuan Kerajaan Negeri ialah kepada beberapa teras utama yang saling berkaitan iaitu:

- i. merancakkan pertumbuhan ekonomi;
- ii. mewujudkan peluang-peluang pekerjaan;
- iii. menjamin keadilan sosio-ekonomi;
- iv. memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda; dan
- v. meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar.

6. Sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri yang digariskan, maka cadangan perbelanjaan mengurus dan pembangunan jabatan-jabatan negeri harus dirancang dan diperluaskan supaya dapat merealisasikan dan memastikan kejayaan teras-teras tersebut.

### **Pengurusan dan Kawalan Kewangan**

7. Pengurusan yang baik serta cekap adalah pengurusan yang menumpukan kepada penghasilan kerja dan impaknya kepada kumpulan sasaran (*customer focused*) serta dilaksanakan secara ekonomik dan menepati masa. Sehubungan dengan ini, adalah menjadi tanggungjawab utama Pegawai Pengawal untuk menentukan pengurusan kewangan dan perakaunan terkawal agar dapat menyumbang kepada keberkesanan kos pelaksanaan projek-projek kerajaan, khususnya projek infrastruktur dan sosial yang menjadi pemangkin pengukuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

8. Adalah juga penting bagi Pegawai Pengawal untuk memberi perhatian serius terhadap teguran-teguran Ketua Audit Negara yang membangkitkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan akaun dalam laporannya, dan memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran audit serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam. Di samping itu, adalah penting untuk Pegawai Pengawal mengambil tindakan disiplin di bawah Perintah Am bagi perkara-perkara dalam pengurusan kewangan yang menunjukkan kecuaian dan sikap yang tidak peka dalam memperakaunkan hasil dan perbelanjaan secara teratur, atau sekiranya berlaku penyelewengan maka Pegawai Pengawal hendaklah menyiasat dan mengambil tindakan surcaj berdasarkan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Pindaan 1972).

## **Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Mengurus 2011 dan 2012**

### **Batas Perbelanjaan**

9. Berteraskan Dasar Belanjawan Negeri dan berlandaskan pendekatan *Let Manager's Manage* dalam pengurusan kewangan, maka dalam penyediaan bajet dwi tahunan 2011 dan 2012, Pegawai Pengawal hendaklah merancang dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk memastikan sumber kewangan digunakan dengan cara yang paling optimum bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga perlu mengenalpasti petunjuk prestasi utama (*key performance indicator*) untuk mengukur pencapaian jabatan, menentukan *milestone*, penghasilan kerja (*performance based*) dan sasaran *outcome* yang ditentukan dalam Perjanjian Program masing-masing yang dikemaskini setiap kali cadangan bajet tahunan disediakan.

10. Selaras dengan Sistem Belanjawan Diubahsuai, Jabatan Kewangan Negeri akan memaklumkan peruntukan Batas Perbelanjaan yang ditetapkan bagi setiap jabatan untuk penyediaan cadangan perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada. Sehubungan dengan ini, Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan Batas Perbelanjaan diagihkan kepada Objek Am 10000 dan 20000 mengikut keperluan program dan aktiviti jabatan masing-masing bagi memastikan amalan pindah peruntukan, perbelanjaan melebihi peruntukan, perbelanjaan kurang daripada peruntukan dan peruntukan tidak dibelanjakan dapat dielakkan.

11. Dalam penyediaan cadangan perbelanjaan mengurus Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- i. penglibatan yang aktif dan menyeluruh oleh Pegawai Pengawal dalam memilih dan menetapkan strategi yang paling sesuai dan

- jelas selaras dengan visi jabatan untuk mencapai objektif dan sasaran;
- ii. mengambil tindakan ke arah transformasi pengurusan jabatan dengan membuat penilaian ke atas program/aktiviti jabatan untuk memastikan keberkesanan, kecekapan, ekonomi serta kesesuaian sesuatu program/aktiviti;
  - iii. mengambil kira keperluan sebenar jabatan, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja untuk mengelakkan pembaziran;
  - iv. memastikan pematuhan kepada langkah-langkah penjimatan dan pengawalan perbelanjaan awam seperti mana ketetapan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 11 Tahun 2008;
  - v. memastikan peruntukan yang mencukupi disediakan bagi perbelanjaan yang komited seperti emolumen, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan perkhidmatan kontrak semasa menyediakan cadangan perbelanjaan;
  - vi. bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan di mana perjawatan tidak diperuntukkan dalam Waran Perjawatan iaitu perkhidmatan di bawah OS 29000, Pegawai Pengawal hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Kewangan Negeri terlebih dahulu. Walau bagaimanapun permohonan perkhidmatan ini hanyalah bagi maksud-maksud tertentu iaitu khususnya bagi melaksanakan sesuatu tugas dalam jangka masa yang pendek serta memerlukan penggunaan kepakaran yang tidak boleh diperolehi di peringkat jabatan; dan

- vii. memastikan cadangan perolehan aset dihadkan kepada keperluan asas jabatan yang akan dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
12. Bagi tahun 2012, Batas Perbelanjaan akan berpandukan kepada Batas Perbelanjaan 2011 dan cadangan Dasar Baru 2011 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Walau bagaimanapun, Jabatan Kewangan Negeri boleh mengubah Batas Perbelanjaan sebelum peruntukan jabatan dimuktamadkan.
- Dasar Baru/One-Off/Cadangan Penjimatan
13. Dalam mengemukakan permohonan Dasar Baru dan One Off, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah diperolehi terlebih dahulu sebelum dimasukkan dalam cadangan bajet tahun 2011 dan 2012. Pegawai Pengawal juga hendaklah mengemukakan Cadangan Penjimatan sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada bagi menampung keperluan Dasar Baru dan One-Off. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan *shortfall* perbelanjaan khususnya bagi agihan Objek Am 10000 Emolumen yang tidak dibelanjakan sepenuhnya akibat kekosongan jawatan, yang akhirnya akan menjas prestasi perbelanjaan jabatan keseluruhannya.
14. Penyediaan cadangan perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 dan 2012 hendaklah mengikut garis panduan yang dinyatakan di atas dan mengikut format yang disediakan dalam Sistem SPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran A**.

## Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan 2011 dan 2012

15. Cadangan projek pembangunan hendaklah berfokus kepada *people centric* dan yang memberi kesan penggandaan tinggi (*multiplier effect*) yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta menjamin kesejahteraan rakyat. Semua cadangan projek pembangunan hendaklah diteliti dan mendapat kelulusan daripada Y.B. Pengurus Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi portfolio yang berkenaan. Senarai projek, ringkasan keperluan projek serta siling peruntukan bagi menyiapkan projek hendaklah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang bertanggungjawab menyelaras dan memperakarkan cadangan permohonan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri.

16. Bagi permohonan peruntukan untuk tahun 2011, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan mempunyai siling peruntukan yang mencukupi. Memandangkan anggaran peruntukan 5 tahun untuk tempoh dari 2011 hingga 2015 belum dimuktamadkan, semua projek yang dicadang untuk pelaksanaan pada tahun 2011 yang merupakan tahun peralihan mestilah mendapat kelulusan bertulis mengenai siling sementara daripada UPEN. Oleh itu, adalah perlu untuk Pegawai Pengawal mengkaji semula prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan tahun-tahun lepas dan merancang cadangan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang menepati kriteria *people centric* serta mempunyai kesan penggandaan tinggi dalam penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2011.

17. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan pembangunan yang dimohon telah mengambil kira keupayaan melaksana (*implementation capacity*) oleh jabatan teknikal berdasarkan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar mengikut tahun. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi

setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti projek.

18. Cadangan perbelanjaan Pembangunan hendaklah disediakan dan mengikut format-format yang disediakan dalam sistem SPEKS seperti di **Lampiran B**.

### **Cadangan Anggaran Hasil 2011 dan 2012**

19. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2011 adalah berbanding anggaran tahun 2010, dan anggaran hasil 2012 berbanding jangkaan hasil 2011.

Cadangan anggaran hasil hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. rekod pungutan hasil sebenar bagi dua (2) tahun lepas;
- ii. perubahan-perubahan yang berlaku dari segi dasar, peraturan, kadar kutipan hasil serta senario ekonomi yang dijangka; dan
- iii. kemampuan kutipan hasil semasa dan usaha-usaha bagi meningkatkan kutipan tunggakan hasil.

20. Penyediaan cadangan Anggaran Hasil bagi tahun 2011 dan 2012 hendaklah mengikut garis panduan yang dinyatakan di atas dan mengikut format yang disediakan dalam Sistem SPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran C**.

## **Penyediaan Dokumen Perjanjian Program dan Prestasi**

21. Pegawai Pengawal dikehendaki mengambil perhatian terhadap sebarang perubahan ke atas struktur program dan aktiviti jabatan, khususnya terhadap petunjuk impak yang sesuai bagi menggambarkan perbelanjaan kerajaan bagi sesuatu program dan aktiviti jabatan yang memberi manfaat kepada rakyat. Penyediaan dokumen Perjanjian Program dan Prestasi adalah berpandukan kepada format-format di Borang ABM 1 hingga 7 yang disertakan, yang meliputi:

- i. Ringkasan Eksekutif Anggaran Perbelanjaan Tahunan jabatan (ABM 1);
- ii. Perjanjian Program (ABM 2) yang mengandungi objektif, analisis keperluan, pelanggan, fungsi dan pelan penilaian program jabatan;
- iii. ringkasan kedudukan keanggotaan jabatan berbanding perjawatan pada 1 Januari tahun semasa (ABM 3);
- iv. ringkasan Cadangan *One Off* (ABM 4 & 5);
- v. Cadangan Penjimatan (ABM 6); dan
- vi. ringkasan Perbelanjaan Mengurus mengikut Objek Sebagai (ABM 7).

22. Penyediaan Perjanjian Program dan Prestasi tidak disediakan melalui sistem, dan perlu disedia secara manual dengan menggunakan perisian MS-Words berpandukan kepada format penyediaan seperti di borang ABM 1 hingga 7. Di samping mengemukakan dalam bentuk dokumen sebanyak dua

(2) salinan, jabatan juga diminta mengemukakan *soft copy* dalam bentuk disket atau CD.

### **Penyampaian Cadangan Bajet Tahun 2011 dan 2012**

23. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan dan Hasil tahun 2011 dan 2012 melalui perisian Sistem SPEKS Modul Bajet mengikut format-format yang berkaitan, di samping mengemukakan dalam bentuk dokumen **sebelum atau pada 14 Mei 2010** seperti berikut:

- i. dua (2) salinan *hard copy* cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus (Lampiran A) kepada Jabatan Kewangan Negeri;
- ii. tiga (3) salinan *hard copy* cadangan anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Lampiran B) iaitu dua (2) kepada Jabatan Kewangan Negeri dan sesalinan kepada UPEN; dan
- iii. dua (2) salinan *hard copy* cadangan anggaran Hasil (Lampiran C) kepada Jabatan Kewangan Negeri.

### **Pemeriksaan Anggaran Bajet**

24. Pemeriksaan cadangan bajet akan diadakan mulai akhir Mei 2010 secara *on line* dan mesyuarat. Jabatan-jabatan akan dimaklumkan nanti akan jadual pemeriksaan yang ditetapkan.

### **Penutup**

25. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan mengemukakan cadangan

bajet di atas dalam tempoh yang ditetapkan. Jika terdapat kemosyikilan dalam penyediaan cadangan bajet tahun 2011 dan 2012, rujukan boleh dibuat kepada pegawai-pegawai berikut:

- |                                     |                    |
|-------------------------------------|--------------------|
| i. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri | - No. Tel: 6505186 |
| ii. Ketua Pembantu Tadbir (Bajet)   | - No. Tel: 6505197 |
| iii. Unit Bajet                     | - No. Tel: 6505184 |

Sekian, terima kasih.

**' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '**  
**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah,

  
**[DATO' FARIZAN BIN DARUS]**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 2 Mac 2010

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan